



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 18

31hb Ogos 2006

TAMBAHAN No. 89
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 320.

AKTA BEKALAN GAS 1993

PERINTAH BEKALAN GAS (KESALAHAN BOLEH DIKOMPAUN) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 34(1) Akta Bekalan Gas 1993 [Akta 501], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bekalan Gas (Kesalahan Boleh Dikompaun) 2006**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2006.

Kesalahan boleh dikompaun

2. Semua kesalahan di bawah Akta dan perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta boleh dikompaun kecuali kesalahan-kesalahan di bawah subseksyen 5(4), 29(5) dan 30(3) Akta.

Dibuat 9 Ogos 2006
[(S)ST(IP)/JUJ)300/4/1; PN(PU²)528/II]

DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

P.U. (A) 322.

AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

PERINTAH INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB)
(JADUAL PERTAMA) (PINDAAN) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22(2) Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Jadual Pertama) (Pindaan) 2006.**

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 dipinda—

- (a) dalam butiran 90, dengan menggantikan perkataan “Kolej Komuniti Alor Gajah” yang terdapat dalam ruang kedua dengan perkataan “Kolej Komuniti Masjid Tanah”; dan
- (b) dengan memasukkan dalam ruang masing-masing selepas butiran 101 butiran yang berikut:

“102. Politeknik Sultan Idris Shah	Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20.
103. Politeknik Muadzam Shah	Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20.
104. Politeknik Perlis	Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20.
105. Politeknik Mukah	Seluruh Akta kecuali seksyen 4, 17, 18, 19 dan 20.”.

Dibuat 2 Ogos 2006
[KPT(PUU)S.021/08/003; PN(PU²)365/III]

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Pengajian Tinggi

EDUCATIONAL INSTITUTIONS (DISCIPLINE) ACT 1976

EDUCATIONAL INSTITUTIONS (DISCIPLINE) (FIRST SCHEDULE)
(AMENDMENT) ORDER 2006

IN exercise of the powers conferred by subsection 22(2) of the Educational Institutions (Discipline) Act 1976 [Act 174], the Minister makes the following order:

Name

1. This order may be cited as the **Educational Institutions (Discipline) (First Schedule) (Amendment) Order 2006**.

Amendment of First Schedule

2. The First Schedule to the Educational Institutions (Discipline) Act 1976 is amended—

- (a) in item 90, by substituting for the words “Kolej Komuniti Alor Gajah” appearing in the second column the words “Kolej Komuniti Masjid Tanah”; and
- (b) by inserting in the respective columns after item 101 the following items:

“102. Politeknik Sultan Idris Shah	The whole Act except sections 4, 17, 18, 19 and 20.
103. Politeknik Muadzam Shah	The whole Act except sections 4, 17, 18, 19 and 20.
104. Politeknik Perlis	The whole Act except sections 4, 17, 18, 19 and 20.
105. Politeknik Mukah	The whole Act except sections 4, 17, 18, 19 and 20.”.

Made 2 August 2006

[KPT(PUU)S.021/08/003; PN(PU²)365/III]

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of Higher Education